


Merancang Modul Pembelajaran dalam Kumpulan



Aktiviti kumpulan dalam pengajaran bahasa wajar diperbanyak. Hal ini selaras dengan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Aktiviti ini bukan sekadar untuk membentuk kumpulan forum, perbahasan dan lakonan, malah boleh dilakukan untuk aktiviti menambah pengetahuan melalui aktiviti membaca dan menganalisis bahan bacaan.

Aktiviti berkumpulan bertujuan untuk mewujudkan semangat kerjasama, berbincang dan bermuafakat, serta bertukar-tukar fikiran untuk mewujudkan pembelajaran secara kolektif. Biasanya aktiviti membaca dan pemahaman dilakukan secara individu dan guru menilai pencapaian pelajar berdasarkan skema yang telah disediakan. Dalam aktiviti sedemikian sering berlaku pembelajaran secara peniruan yang kurang memberikan impak kepada proses kognitif pelajar.

Guru boleh menyediakan bahan bacaan berupa petikan rencana atau buku, atau bahan rangsangan lain yang berbeza bagi setiap kumpulan di bilik darjah. Guru boleh meminta setiap ahli dalam kumpulan membaca secara bersama-sama dan menyiapkan aktiviti pembelajaran mengikut objektif yang ditentukan.

Dalam aktiviti kumpulan ini, guru akan meminta pelajar membaca dengan kritis, membincangkan maklumat dan pengetahuan untuk dihayati oleh para pelajar. Untuk aktiviti pengembangan minda, guru meminta kumpulan untuk membuat analisis dan rumusan petikan yang dibaca. Setiap pelajar dalam kumpulan boleh memberikan pandangan tentang isi penting, kemudian memberikan ulasan dan kesimpulan bersama-sama. Format ini ditegaskan kepada pelajar untuk objektif pembelajaran pemahaman secara kritis. Guru

tidak menetapkan skema, namun sudah mempunyai andaian hasil kerja pelajar berdasarkan bahan yang telah disediakan. Ada kumpulan yang mampu membuahkan hasil kerja yang di luar jangkaan guru dan wajar diberikan pujian atau bimbingan kepada kumpulan yang tidak mencapai objektif.

Untuk aktiviti berkesan, guru menyediakan bahan rangsangan petikan yang menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai untuk tahap pelajar. Petikan berlainan tema bagi setiap kumpulan mengikut aras pencapaian dan kecerdasan kumpulan. Contoh tema petikan adalah seperti yang berikut:

Aras Satu

- Ciri keluarga penyayang.
- Aktiviti Hari Keluarga.
- Gaya hidup sihat.
- Menggunakan masa dengan berkesan.
- Budaya membaca.
- Ciri remaja patriotik.
- Aktiviti kokurikulum.

Aras Dua

- Kepenggunaan.
- Aktiviti sukarelawan.
- Mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.
- Menyayangi warga tua.
- Pengawasan penyakit berjangkit.
- Pengangkutan awam.

Aras Tiga

- Usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek.
- Mengatasi masalah stres.
- Bencana alam.
- Teknologi maklumat.
- Melahirkan masyarakat minda kelas pertama.
- Pengangguran dan peluang pekerjaan.

Bidang Estetika (Umum)

- Ulasan bahan KOMSAS.
- Peranan karya sastra dalam pendidikan.
- Langkah menarik minat remaja membaca karya sastra.
- Usaha menghargai penulis.
- Nilai dan pengajaran dalam karya sastra.

Pemilihan berlainan tema pada setiap sesi pembelajaran perlu selaras dengan sukatan pelajaran dan tahap perkembangan pembelajaran pelajar dalam kumpulan. Guru seharusnya maklum tentang tahap perkembangan pembelajaran pelajar di kelas mereka sama ada pada aras 1 (asas), aras 2 (sederhana), atau aras 3 (cemerlang).

Dalam aktiviti ini, guru boleh meminta pelajar mengenal pasti tema petikan dan bersama-sama mengesan isi penting. Pelajar digalakkan untuk membuat catatan dalam bentuk grafik atau peta minda. Pelajar juga diminta untuk membuat ulasan dan pendapat dalam bentuk grafik. Guru bertindak sebagai fasilitator semasa aktiviti ini berjalan. Pelajar boleh dicadangkan untuk membuat peta minda seperti yang berikut:



Bahan grafik atau peta minda ini dijadikan asas untuk pembentangan pada akhir pembelajaran. Sekiranya tema petikan adalah sama bagi setiap kumpulan, berkemungkinan akan menyebabkan pembentangan apabila maklumat tidak sama daripada bahan sama dengan kumpulan lain. Guru yang bertindak sebagai penilai pula akan cenderung membanding antara kumpulan yang boleh menghilangkan keyakinan pelajar. Jika tema berlainan, pelajar akan memberikan tumpuan semasa pembentangan kumpulan kerana maklumat yang disampaikan merupakan perkara baharu.

Selepas aktiviti membaca secara kumpulan, membincangkan dan menganalisis, kemudian membuat pembentangan, seelok-eloknya diikuti dengan aktiviti penulisan secara individu. Kerja penulisan itu masih menggunakan tema yang sama tetapi dari sudut pandangan atau wacana yang berbeza bagi setiap pelajar dalam kumpulan. Kepelbagaian sudut pandangan

Control NO: A000275455

File Name: MA/education/2018/EDU2018A11.pdf

Education - General
Pg = 16 - 18

ini akan mengurangkan kebosanan guru memeriksa bahan yang disediakan di samping menghasilkan aneka ragam gaya bahasa jika disatukan dalam fail hasil kerja pelajar.

Sebagai contohnya, untuk tema gaya hidup sihat, guru boleh menyediakan tugas seperti yang berikut:

1. Peranan remaja dalam amalan gaya hidup sihat.
2. Peranan ibu bapa untuk membimbing anak dalam amalan gaya hidup sihat.
3. Peranan sekolah untuk mendidik pelajar mengamalkan gaya hidup sihat.
4. Peranan kerajaan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat.
5. Kepentingan amalan gaya hidup sihat di negara maju dan di negara membangun.

Setiap pelajar seharusnya dapat menulis karangan tersebut kerana sudah mempunyai maklumat atau input daripada aktiviti sebelumnya. Pelajar sudah mempunyai pengetahuan sedia ada, dan hanya perlu kritis untuk menyampaikan pendapat berdasarkan sudut pandangan yang berbeza. Kaedah ini, iaitu memberikan input sebelum menulis karangan lebih adil berbanding dengan amalan memberikan tugas karangan tema secara rawak, terutama kepada pelajar yang belum mempunyai pengetahuan sedia ada.

Selain penguasaan aktiviti penulisan karangan, aktiviti kumpulan dalam modul ini perlu disertakan juga dengan pembelajaran tatabahasa. Kedua-dua aktiviti ini boleh dirancang pada masa yang lain tanpa memutuskan kesinambungan wacana tema pembelajaran. Daripada petikan asal, boleh dimanfaatkan berbagai-bagai tajuk tatabahasa yang menjadi fokus sampingan dalam pembelajaran bahasa. Sebagai contoh, guru boleh meminta pelajar mengesan kata kerja imbuhan "me-" daripada petikan, kemudian mengisi jadual seperti yang berikut.

Teater dalam pendidikan membolehkan pelajar untuk meningkatkan potensi diri dalam banyak aspek, termasuk aspek perkembangan diri dan sosial. Melalui aktiviti drama, pelajar dapat mengenal diri mereka dengan lebih jelas, mengenal ruang dan persekitaran, memahami rakan, serta meningkatkan keupayaan mereka dalam pelbagai aspek.

Kata Akar	Awalan meN-	Awalan mempeR-	Apitan meN-...-kan	Apitan meN-...-i	Apitan mempeR-...-kan	Apitan mempeR-...-i
boleh			membolehkan			
tingkat			meningkatkan			
lalu				melalui		
kenal	mengenal					
faham				memahami		

Pelajar dapat mengumpul seberapa banyak perkataan berimbuhan "me-" daripada petikan, dan mereka boleh membuat kesimpulan imbuhan yang kerap digunakan dan yang kurang digunakan dalam wacana pembelajaran. Pelajar juga boleh membuat perbincangan dari segi ejaan serta makna perkataan tersebut. Pelajar juga boleh menggunakan kata akar untuk semua imbuhan kata kerja tersebut. Pasti mereka akan menemui sesetengah perkataan tidak menerima imbuhan itu sebagai kata kerja. Perbincangan ini menjadi menarik

“ Pelajar sudah mempunyai pengetahuan sedia ada, dan hanya perlu kritis untuk menyampaikan pendapat berdasarkan sudut pandangan yang berbeza. ”

jika pelajar sendiri menemui contoh perkataan daripada penerangan guru secara kuliah di bilik darjah.

Aktiviti pembelajaran dalam kumpulan lebih berkesan kerana pelajar sendiri menemui fakta dan resolusi daripada bahan bacaan yang mereka lakukan secara bersama-sama. Penemuan itu boleh dijadikan asas atau pengalaman sedia ada untuk mempelajari aras pembelajaran yang lebih tinggi. Modul pembelajaran kumpulan dapat memberikan keyakinan kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan berkomunikasi dengan rakan. **PB**